

Alamat surat mesyuarat :

Universiti Malaysia Perlis  
P.O. Box 77  
d/a Pejabat Pos Besar,  
01007 Kangar, Perlis, MALAYSIA

+604-979 8008  
www.unimap.edu.my

JABATAN CANSOLORI  
Universiti Malaysia Perlis  
Tingkat 11, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar,  
Perlis, MALAYSIA

+604-979 8000 / 979 8001  
+604-977 8011  
vc@unimap.edu.my

Naib Canselor

Ruj. Kami : UniMAP: PNC/100-13/8  
Tarikh : 15 November 2018

YBhg. Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Perlis

YBhg. Datuk/Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan,

**LARANGAN PENGGUNAAN POLISTERIN DAN PENYEDUT MINUMAN (STRAW) PLASTIK DI KAMPUS UniMAP DAN PENGENAAN DENDA RM300 SERTA-MERTA KEPADA WARGA YANG INKAR BERMULA 1 JANUARI 2019**

Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti UniMAP Kali Ke125 (Bil 9/2018) telah memutuskan bahawa penggunaan polisterin dan penyedut minuman (straw) plastik di dalam kampus UniMAP adalah diharamkan sama sekali. Ini kerana, kedua-dua produk tersebut telah dikelaskan sebagai produk yang mempunyai kesan negatif pada alam sekitar.

2. Sejalan dengan itu, mana-mana warga yang ingkar akan larangan ini boleh dikenakan denda sebanyak RM300 serta merta oleh "Task Force" yang telah dilantik oleh pihak Universiti.

3. Justeru, YBhg Datuk/Dato'/Prof/PM/Dr/Ir/Tuan/Puan diminta membuat hebahan tersebut bagi memastikan UniMAP bebas dari penggunaan polisterin dan penyedut minuman plastik. Untuk makluman, terdapat alternatif yang boleh menggantikan penyedut minuman konvensional dan bekas makanan/minuman dari polisterin, iaitu yang diperbuat daripada bahan-bahan biodegradasi.


4. Sebagaimana YBhg Datuk/Dato'/Prof/PM/Dr/Ir/Tuan/Puan sedia maklum, hasrat Universiti ini juga sejajar dengan hasrat pihak Kerajaan yang telah mewarwarkan pengharaman dua barangan larangan tersebut demi kesejahteraan alam.

Sekian sahaja, atas sokongan dan kerjasama yang bakal diberikan, saya dahuluinya dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

**"Tunjang Mengukuh di Bumi, Pucuk Menjulung Tinggi"**



(DATO' PROF. TS DR. ZUL AZHAR BIN ZAHID JAMAL)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: MY-AR 5225